



Lahir graduan yang menyumbang semula kepada masyarakat - Agong

Januari 5, 2023 @ 3:30pm

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, bertitah agar semua universiti di Malaysia sama ada awam atau swasta, memainkan peranan untuk membantu aspek pendidikan pelajar.

Baginda bertitah, perkara itu jika diusahakan dengan sebaik mungkin dapat memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang khidmat mereka kepada negara, pada masa akan datang.

"Beta dimaklumkan ada 75 universiti di seluruh negara, baik yang kerajaan mahupun swasta. Beta berharap semua universiti ini dapat main peranan untuk menentukan perjalanan penuntut ini diusahakan dengan sebaik mungkin.

"Mudah-mudahan, mereka akan menjadi penuntut yang dapat memberi sumbangan besar kepada negara pada masa akan datang," titah Al-Sultan Abdullah pada majlis pelancaran Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT), di sini hari ini.

Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah turut berangkat ke majlis pelancaran itu.

Hadir sama, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pendidikan TARC, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

Sempena majlis itu, Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan perasaan bangga terhadap laporan yang dibentangkan oleh Ka Siong mengenai kejayaan universiti berkenaan melahirkan lebih 300,000 alumni serta menempatkan lebih 29,000 pelajar di semua kampusnya di seluruh negara.

"Beta mengucapkan tahniah kepada semua ahli lembaga amanah dan pengelola yang memberi banyak tunjuk ajar dan keputusan yang membawa kejayaan kepada universiti ini.

"Tidak lupa juga kepada semua warga TAR UMT kerana memainkan peranan yang begitu besar bagi mendidik penuntut di sini dan sekali lagi Beta dan Raja Permaisuri mengucapkan tahniah dan syabas," titah Seri Paduka.

Kolej TAR diluluskan pada 1968 oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, dan ditubuhkan secara rasmi pada 1969 dengan bekas Presiden MCA, mendiang Tun Tan Siew Sin sebagai tokoh penting yang mencetuskan penubuhan institusi pendidikan itu.

Pada 2012, Kolej TAR dinaik taraf kepada kolej universiti dan dinamakan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC) dan pada Nov 2022, TAR UMT menerima sijil pendaftaran daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). – BERNAMA



Al-Sultan Abdullah dan Tunku Hajah Azizah Aminah bergambar bersama pelajar selepas Majlis Pelancaran Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT) di sini, hari ini. - Foto BERNAMA